



Ruj.Tuan : ANM.PHG.600-15/3/10 Jld 18(19)

Tarikh : 16 Januari 2026

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KELULUSAN KHAS MEMBENARKAN BAYARAN AP58(a) BAGI PERBELANJAAN
MENGURUS TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO(S)600-9/15/19 JLD.2(19) bertarikh 09 Januari 2026 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana surat daripada Kementerian Kewangan penetapan tarikh akhir bayaran Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2025 pada 15 Disember 2025 rujukan MOF. NBO(R)600-8/2/35 JLD.2(71) bertarikh 25 November 2025, adalah dimaklumkan bahawa semua pembayaran yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut akan dibayar di bawah kelulusan AP58(a).

3. Berdasarkan peraturan kewangan semasa, Kementerian/Jabatan/Agensi hanya dibenarkan memproses bayaran AP58(a) selepas Akaun Kerajaan Persekutuan tahun berkenaan dimuktamadkan. Sehubungan dengan ini, bagi memudahkan proses bayaran AP58(a) Tahun 2025, Kementerian Kewangan bersetuju :

(i) Membenarkan Kementerian membuat bayaran bagi bayaran **gaji Mystep, elaun lebih masa, dan tuntutan perjalanan bulan Disember 2025** menggunakan kelulusan di bawah AP58(a) **tanpa perlu menunggu akaun awam tahun 2025 dimuktamadkan**; dan

(ii) Semua pembayaran AP58(a) selain daripada item perbelanjaan di bawah perenggan 3 (i), Kementerian boleh menggunakan maklumat baki akhir dalam vot seliaan masing-masing untuk mendapatkan kelulusan AP58(a) tertakluk kepada tatacara kewangan semasa dan hendaklah diselesaikan **sebelum atau pada 30 April 2026**.

4. Justeru, dengan kelulusan khas ini Pusat Tanggungjawab (PTJ) dapat menyelesaikan pembayaran dengan kadar segera dan memastikan pembayaran yang dibuat teratur dan mematuhi tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa.

5. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan permohonan pembayaran AP58(a) PTJ masing-masing dengan kadar segera **selewat-lewatnya sebelum atau pada 30 April 2026**. Dipohon juga untuk memastikan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.5/2023 (Lampiran C : Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Di Bawah AP58(a) Pembayaran yang memerlukan Kebenaran Khas)** telah dipatuhi sebelum mengemukakan permohonan kelulusan kepada **Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Pahang** bagi mengelakkan baucar arahan pembayaran dikuiiri.

Ruj. Tuan : ANM.PHG.600-15/3/10 Jld 18(19)
Tarikh : 16 Januari 2026

6. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan agar proses pembayaran AP58(a) dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan serta mematuhi tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.


Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah



(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang